



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 7 /2002
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENUBUHAN JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dimaklumkan bahawa Baginda telah memperkenankan bagi penubuhan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi yang akan bertanggungjawab bagi hal ehwal berkaitan dengan lanskap, alam sekitar, dan pemeliharaan taman-taman rekreasi di seluruh negara.

2. Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi akan ditempatkan di bawah Kementerian Pembangunan sebagai sebuah jabatan penuh dengan diketuai oleh seorang Pengarah.

3. Dengan penubuhan Jabatan ini, semua Bahagian dan Unit yang terdapat di Kementerian dan Jabatan berkenaan yang memberikan perkhidmatan lanskap akan diserapkan ke Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi yang mana seperti berikut:

- (1) Bahagian Keindahan Alam, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya;
- (2) Unit Industri Tanaman Hiasan Rimba, Jabatan Pertanian;
- (3) Bahagian Taman dan Rekreasi, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan;
- (4) Bahagian Taman Bunga Kuala Belait dan Seria, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria;
- (5) Bahagian Taman Bunga dan Tempat Persiaran, Jabatan Bandaran Tutong;
- (6) Bahagian Pemeliharaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara;
- (7) Bahagian Pemeliharaan dan Perkhidmatan, Jabatan Daerah Belait;
- (8) Bahagian Pemeliharaan Tempat Penginapan, Jabatan Daerah Tutong; dan
- (9) Bahagian Pemeliharaan Taman Perkelahan Kampong, Jabatan Daerah Temburong.

4. Penubuhan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi berkuatkuasa mulai 1 Mei 2002 bersamaan 18 Safar 1423 sementara peralihan pentadbiran semua Bahagian dan Unit kepada Jabatan ini akan berkuatkuasa mulai 1 Julai 2002 bersamaan 20 Rabiulakhir 1423.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

[DATO PADUKA HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH]

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA 1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: (7)JPM/SK/2002

Tarikh: 28 Mei 2002